D0002 : Laporan Program Libat Urus Bersama PTJ


D0003 : Ruang Arkib UiTM Cawangan Kedah



KOLEKSI BAHAN UNIT ARKIB UTM CAWANGAN KEDAH




PENERIMAAN REKOD PENTING UNIVERSITI



Bagi tahun 2024, penetapan sasaran bagi KPI 2: Bilangan Rekod Penting Universiti telah disasarkan sebanyak 1,000 bahan rekod penting.

Bagi tempoh antara Januari 2024 sehingga Jun 2024, Unit Arkib UiTM Cawangan Kedah telah melaksanakan proses muatnaik bahan rekod penting ke Archive Management System (AMS) sebanyak 541 bahan. Bahan-bahan ini merupakan fail peribadi pelajar yang telah diterima daripada Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Kedah pada 3 Januari 2024 lalu. Bagi tempoh antara Oktober 2024 sehingga Disember 2024, Unit Arkib UiTM Cawangan Kedah telah melaksanakan proses muatnaik bahan rekod penting ke Archive Management System (AMS) sebanyak 230 bahan. Bahan-bahan ini merupakan fail peribadi dan bahan penerbitan yang telah diterima daripada PTJ. Alhamdulillah pihak UAC telah mencapai sasaran 100% jumlah penerimaan rekod penting, bersamaan 1,016 bahan telah dimuat naik.

ARTIKEL BAHAN INDEXING



Bagi tahun 2024, jumlah muatnaik artikel bahan indexing bagi kampus UiTM Cawangan Kedah sehingga November 2024 adalah sebanyak 142 bahan. Sebanyak 29 bahan yang dimuatnaik merupakan bahan yang ditulis oleh penulis UiTM manakala 113 bahan merupakan bahan-bahan berkaitan kampus UiTM Cawangan Kedah.

PENAMBAHBAIKAN PROSES KOMUNIKASI PERKHIDMATAN PENJILIDAN



Selaras dengan Pekeliling Ketua Pustakawan Bil.1/2023 – Kadar Caj Bayaran Perkhidmatan Penjilidan PUiTM yang telah berkuatkuasa pada 7 Mac 2023, UAC UiTM Cawangan Kedah turut menawarkan perkhidmatan penjilidan kepada warga UiTM.

Pelaksanaan perkhidmatan penjilidan ini pastinya melibatkan komunikasi antara kakitangan UAC bersama kakitangan daripada unit yang berbeza. Hal ini akan berlaku apabila kakitangan daripada unit yang berada di kaunter hadapan perlu memaklumkan kepada kakitangan UAC berhubung penerimaan perkhidmatan penjilidan yang dimohon oleh warga kampus, kebiasaannya melalui kaunter Unit Pembelajaran Digital. (UPD)

Sebagai usaha untuk menambahbaik proses komunikasi antara kakitangan UAC dan kakitangan UPD, satu loceng (wireless door bell) telah ditempatkan di kaunter UPD. Loceng ini akan dibunyikan setiap kali terdapat permohonan penjilidan oleh warga kampus di kaunter UPD.

Kewujudan loceng ini membantu aspek proses komunikasi tanpa perlu dihubungi melalui talian telefon yang lebih memakan masa.



Sepanjang penggunaan loceng ini pada tahun 2024, penjanaan penjilidan yang telah dijana bagi tempoh Januari 2024-Mac 2024 adalah sebanyak RM 205.60.




PENJANAAN PERKHIDMATAN PENJILIDAN



Selaras dengan Pekeliling Ketua Pustakawan Bil.1/2023 – Kadar Caj Bayaran Perkhidmatan Penjilidan PUiTM yang telah berkuatkuasa pada 7 Mac 2023, pihak UAC telah melaksanakan penjanaan penjilidan berjumlah **RM862.80** bagi tahun 2024!



An illustration of a school building with a tiled roof and a flag flying in the background. The building is rendered in a sketchy, hand-drawn style with warm tones. A semi-transparent grey box is overlaid on the right side of the building, containing a quote and the name Albert Einstein.

**"Pendidikan adalah apa yang tersisa
setelah melupakan semua yang dia pelajari
di sekolah."**

ALBERT EINSTEIN

LAWATAN

LAWATAN UNIVERSITAS BRAWIJAYA, INDONESIA



15 Januari 2024

Lawatan dari Universitas Brawijaya, Kota Malang, Indonesia ke Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.




LAWATAN SEKOLAH MAAHAD AL EHYA ASSHARIFF, PERAK



23 Januari 2024

Lawatan sambil belajar oleh 48 orang pelajar dan 2 orang guru dari bidang Sains dan Matematik, Sekolah Maahad Al Ehya Asshariff ke Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah. Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar meneroka kemudahan dan fasiliti universiti serta memupuk minat mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.



LAWATAN SEKOLAH KEBANGSAAN HAJI ABDULLAH SADUN, KEDAH



1 Februari 2024

Lawatan Sekolah Kebangsaan Haji Abdullah Sadun, Kuar Jawa, Alor Jangus, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Seramai 36 orang pelajar tahun 6 dan 6 orang guru turut serta dalam lawatan ini.



LAWATAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' WAN MOHD SAMAN, KEDAH



6 Februari 2024

Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Wan Mohd Saman, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh pihak perpustakaan kepada para pelajar. Seramai 39 orang pelajar dan 5 orang guru turut serta dalam lawatan ini.



LAWATAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR



15 Februari 2024

Lawatan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Kedah, 8 orang wakil menghadiri pertemuan dengan Ketua Perpustakaan di Perpustakaan Sultan Badlishah.



LAWATAN PENOLONG NAIB CANSOLOR UiTM



15 Februari 2024

Sekitar sesi lawatan oleh Penolong Naib Canselor, Prof. Dr Shahrman Zainal Abidin di Perpustakaan Sultan Badlishah. Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah di UiTM Cawangan Kedah.



LAWATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



26 Februari 2024

Pihak Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menerima lawatan daripada Perpustakaan Negara Malaysia.



LAWATAN TEMU MESRA NAIB CANSELOR UiTM

UiTM Cawangan Kedah berbesar hati menerima kunjungan Ybhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin FASc pada 3 Mac 2024 bersamaan 22 Syaaban 1445H. Susun atur lawatan telah diakhiri dengan lawatan ke Perpustakaan Sultan Badlishah. Kunjungan ini telah disambut oleh Pn. Azizah Khasim (Ketua Perpustakaan) bersama-sama dengan Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Kedah serta kakitangan perpustakaan.

YBhg. Prof. Datuk telah dibawa melihat galeri pencapaian dan kejayaan perpustakaan hasil dari aktiviti inovasi semenjak penubuhan perpustakaan sehingga kini.

Penerangan dan demonstrasi penggunaan eView iaitu alat bantu pengajaran bagi pelajar OKU penglihatan yang telah berjaya memenangi Juara Keseluruhan Inisiatif Kecemerlangan Operasi (OE) sempena Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM 2023 juga turut dibuat.

YBhg. Prof. Datuk telah memberi idea penambahbaikan kepada alat tersebut.

YBhg. Prof. Datuk juga mencadangkan pihak PSB untuk mendapatkan koleksi buku-buku tulis jawi dari ulama-ulama Kedah dan tokoh-tokoh agama terkenal di Kedah bagi memelihara ilmu yang ada dari hilang begitu sahaja dan pemerksaan jawi perlu dibuat disemua peringkat. YBhg. Prof. Datuk juga berbangga dengan hasil kreativiti PSB dalam penggunaan ruang dan hasil kerja kakitangan perpustakaan dalam menjimatkan kos operasi serta telah mencadangkan untuk dipertandingkan di dalam KIK atau Operational Excellent UiTM.

PSB amat berbesar hati atas kunjungan YBhg. Prof. Datuk dan mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian meluangkan masa beramah mesra serta berkongsi ilmu dan pengalaman.



LAWATAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MERGONG, KEDAH



17 April 2024

Lawatan sambil belajar kepada kumpulan pelajar Cemerlang SPM 2024 ke Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah. Seramai 40 orang pelajar dan 5 orang guru turut serta dalam lawatan ini.



LAWATAN SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN, PERAK



20 Mei 2024

Lawatan sambil belajar dari Sekolah Tuanku Abdul Rahman ke Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah. Seramai 15 orang pelajar dan 2 orang guru turut serta dalam lawatan ini.



LAWATAN PERPUSTAKAAN ALBUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY (AIU), KEDAH



29 Mei 2024

Perpustakaan Sultan Badlishah (UiTM Kedah) dan Perpustakaan Universiti Antarabangsa Albukhary (AIU) telah mengadakan perbincangan jalinan kerjasama. Matlamat utama perbincangan ini ialah untuk membina kerjasama antara kedua-dua perpustakaan dan mengetahui lebih lanjut tentang perkhidmatan sumber elektronik yang disediakan kepada pelanggan Perpustakaan Sultan Badlishah.



LAWATAN PERPUSTAKAAN ALBUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY (AIU), KEDAH



12 Jun 2024

Pihak Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menerima lawatan Dr. Safirotu Khoir, Pensyarah Kanan dari Universitas Gadjah Mada. Lawatan ini telah berlangsung selama 1 jam.



LAWATAN PEMANGKU BENDAHARI



1 September 2024

Sekitar sesi lawatan oleh Pemangku Bendahari, YBRS. Cik Junita Binti Jamaludin C.A. (M), ACMA, CGMA di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.





"Pendidikan mempunyai akar yang pahit,
tapi buahnya manis."



ARISTOTELES

KOLABORASI

MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UiTM KEDAH & SMARTLAB SDN BHD

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Persefahaman Bersama SmartLab Sdn Bhd. Dokumen MoU ditandatangani oleh YBhg. Prof. Dr Roshima Hj. Said manakala wakil SmartLab Sdn Bhd, YM Raja Mokhzani Raja Fauzi (Training Manager).


Majlis tandatangan Memorandum Persefahaman diadakan pada 18 Februari 2024 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Pusat Pengajian Sains Komputer, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik (KPPIM) dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.



MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UiTM KEDAH & MATHS PROOFREAD (MPR)

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Persefahaman Bersama Maths Proofread (MPR). Dokumen MoU ditandatangani oleh Dr. Junaida Ismail dan Prof. Madya Ts. Dr. Azhari Md Hashim manakala wakil Maths Proofread (MPR), Shamsudin Yassin (CEO) dan Dr. Sharina Ismail (Chief Editor).

Majlis tandatangan Memorandum Persefahaman diadakan pada 12 Mei 2024 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Akademi Pengajian Bahasa (APB) dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.



MAJLIS TANDATANGAN NOTA KERJASAMA (NOU) ANTARA UiTM KEDAH & JABATAN PENDIDIKAN (JPN) NEGERI KEDAH

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Nota Kerjasama Bersama Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Dokumen NoU ditandatangani oleh YBhg. Prof. Dr Roshima Hj. Said (Rektor) manakala wakil Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Tuan Haji Ismail Othman (Pengarah).

Majlis tandatangan Nota Kerjasama diadakan pada 19 Mei 2024 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Pusat Pengajian Pengkomputeran, KPPIM UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.

PAMERAN MOKU-ZOGAN

APLIKASI TEKNIK MOKU-ZOGAN JEPUN DALAM REKA BENTUK PERABOT

MALAYSIA: POTENSI USAHAWAN REKA BENTUK SILANG BUDAYA

Moku-Zogan adalah teknik ukiran kayu tradisional Jepun yang melibatkan penggunaan inlay atau penyisipan kepingan kayu, logam, atau bahan lain ke dalam permukaan kayu untuk mencipta reka bentuk yang rumit dan artistik. Teknik ini telah digunakan selama berabad-abad dalam pembuatan perabot, perhiasan, dan objek seni di Jepun. Penggunaan teknik ini bukan sahaja memerlukan kemahiran yang tinggi tetapi juga pemahaman yang mendalam tentang material dan estetika tradisional Jepun.


Integrasi Budaya telah menggabungkan teknik Moku-Zogan dengan elemen-elemen tradisional Malaysia dalam menghasilkan perabot yang unik dan inovatif, dengan menggabungkan dua budaya. Manakala dari nilai estetika dan kualiti, teknik Moku-Zogan mempunyai nilai-nilai yang tinggi dalam pemahaman budaya Jepun dan Malaysia. Pembelajaran kemahiran, dalam proses reka bentuk dalam teknik ini ke dalam proses pembuatan perabot membuka peluang dari segi aspek keusahawanan dan inovasi baharu dalam pembuatan perabot.

Pembangunan Usahawan Reka Bentuk dari segi menilai peluang untuk mengembangkan sektor keusahawanan dalam bidang reka bentuk perabot, dengan fokus pada penggunaan teknik Moku-Zogan sebagai nilai tambah. Menganalisis permintaan pasaran untuk perabot yang menggunakan teknik Moku-Zogan, terutama dalam kalangan pengguna yang menghargai seni dan kualiti tinggi. Pendidikan dan Latihan dalam mengintegrasikan pengetahuan ini dalam kursus reka bentuk dan pembuatan perabot dalam konteksnPotensi Keusahawanan dalam Rekaan Silang Budaya



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) ANTARA UiTM KEDAH & UNIVERSITAS BRAWIJAYA, INDONESIA

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Perjanjian bersama Universitas Bravijaya, Indonesia. Objektif majlis ini adalah untuk menetapkan terma dan syarat program pertukaran timbal balik kakitangan dan pelajar antara kedua-dua universiti. Majlis tandatangan Memorandum Perjanjian telah diadakan pada 26 Mei 2024 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Fakulti Pengurusan Perniagaan dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.



PROGRAM MEMPERKASA WARGA UITM KEDAH **"BE ALERT, BE SMART AND STAY SAFE" BERSAMA MCMC**

Program ini dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik, Bahagian Pentadbiran dan Perpustakaan Sultan Badlishah dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Negeri Kedah.

Program ini telah diadakan pada ketetapan berikut :

Tarikh : 27 Mei 2024 (Isnin)

Masa : 8.00 pagi – 2.30 petang

Tempat : Dewan Seri Jerai



HARI SIHAT **UiTM CAWANGAN KEDAH SIRI KE-4**

Sekitar Program Hari Sihat UiTM Cawangan Kedah "BRISK WALK: Siri4" yang diadakan di ruang lobi Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah bersama warga UiTM Kedah pada 29 Mei 2024, jam 5.00 petang – 5.30 petang.



Program Hari Sihat dilaksanakan pada setiap hari Rabu bagi menggalakan warga UiTM mengamalkan gaya hidup sihat dengan aktiviti berjalan, berzumba dan lain-lain aktiviti atas idea penganjur.



MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UiTM KEDAH & ZINON FOOD INDUSTRY SDN BHD

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) pada 4 Jun 2024 telah dimeterai bersama dengan industri, kali ini bersama dengan Zinon Food Industry Sdn Bhd. Semoga dengan kolaborasi ini, ilmu dan strategi keusahawanan dapat diperhebatkan lagi dikalangan para pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Kedah.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Yang Berusaha En. Zinol 'Abidin Daud, Pengurus Besar dan Yang Berusaha Pn . Hashmah Hj Ramli, Penolong Pengurus, Zinon Food Industry Sdn Bhd di atas kesudian berkerjasama dengan UiTM Cawangan Kedah.




MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) ANTARA UiTM KEDAH & UNIVERSITAS AIRLANGGA (UNAIR), SURABAYA, INDONESIA

Tahniah diucapkan kepada Jabatan Pengurusan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Kedah pada 9 Jun 2024 di atas kejayaan memeterai 5 buah Memorandum Perjanjian (MOA) bersama rakan strategik, Universitas Airlangga (UNAIR), Surabaya, Indonesia.

MOA yang merupakan perjanjian kolaborasi Research Agreement akan dijalankan bersama oleh para pensyarah daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Kedah dan Fakultas Vokasi, UNAIR, Indonesia.


Sekalung penghargaan kepada YBrs. Profesor Anwar Maruf, Dekan Fakultas Vokasi dan YBrs. Dr. Rahmat Yuliawan, KPS Fakultas Vokasi, UNAIR, di atas kesudian berkunjung ke kampus Cawangan Kedah, bagi menyempurnakan acara menandatangani MOA ini.



TAKLIMAT PENGURUSAN KEWANGAN BERKESAN ELAKKAN KEBERHUTANGAN SERIUS

Taklimat Pengurusan Kewangan Berkesan: Elakkan Keberhutangan Serius pada 10 Jun 2024 anjuran Pejabat Bendahari dan Perpustakaan Sultan Badlishah UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman.

Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan dan info berkaitan pengurusan kewangan yang berkesan serta mengelakkan keberhutangan serius yang menjurus kepada kebankrapan.



MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) ANTARA UiTM KEDAH & IT CHENTA ENTERPRISE

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) bersama IT Chenta Enterprise. Majlis tandatangan diadakan pada 31 Julai 2024 bertempat di Bilik Seminar Kaunseling, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.





CAHAYA AIDILADHA **SETULUS PENGORBANAN, SEIKHLAS PEMBERIAN**

Pada tarikh 2 Julai 2024, satu program istimewa iaitu Program Cahaya Aidiladha : Setulus Pengorbanan, Seikhlas Pemberian telah diadakan di Dewan Seri Jerai. Acara ini telah berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Bank Rakyat, yang diwakili oleh Yang Berusaha Encik Muhammad Zaki bin Abd Rahman, Pemangku Ketua Wilayah Kedah, Perlis & Pulau Pinang serta pengurus-pengurus cawangan. Terima kasih di atas kesudian untuk berkerjasama dan berkongsi rezeki dengan UiTM Cawangan Kedah, untuk kesekian kalinya.

Bank Rakyat Cawangan Sungai Petani dan UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Pejabat Bendahari, Perpustakaan Sultan Badlishah dan Unit Hal Ehwal Islam telah menjayakan program Cahaya Aidiladha 1445H.

Majlis ini, menyaksikan penyerahan 483kg daging korban dan barangan keperluan kepada penerima terdiri daripada kakitangan dan pelajar kampus. Bank Rakyat juga telah sudi berkongsi rezeki menyumbangkan RM25,000.00 bagi dimanfaatkan untuk kebajikan warga kampus.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) ANTARA UiTM KEDAH & IT CHENTA ENTERPRISE

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) bersama IT Chenta Enterprise. Majlis tandatangan diadakan pada 31 Julai 2024 bertempat di Bilik Seminar Kaunseling, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.





PROGRAM PENANAMAN BAKAU

PROGRAM PENANAMAN BAKAU DI HUTAN SIMPAN SUNGAI MERBOK (NATURE CONSERVATION)

Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) dan Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK), Paramount Property dan Cinta Sayang Resort telah menganjurkan program Penanaman Bakau Di Hutan Simpan Sungai Merbok (Nature Conservation) pada 22 Ogos 2024, berlangsung dari jam 7.30 pagi hingga 1.00 petang. Lokasi program ini di Kompartmen 11, Hutan Simpan Kekal, Sungai Merbok.

Program ini telah disertai oleh 70 peserta sukarela dari 4 organisasi yang terlibat. Semua peserta berkumpul di Jerai Geopark Semeling (Jeti Semeling) untuk sarapan dan juga taklimat tentang tentatif program serta teknik penanaman bakau. Etika pemakaian kasut juga diterangkan bagi memudahkan pergerakan di kawasan selut bakau disamping aspek keselamatan yang perlu diberi perhatian semasa bergerak ke lokasi penanaman bakau. Peserta dibawa menaiki bot yang telah disediakan oleh pihak MPSPK.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UiTM KEDAH & MASJID AL-BUSYRA MERBOK

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Persefahaman Bersama Masjid Al-Busyra Merbok. Dokumen MoU ditandatangani oleh Dr. Junaida Ismail (TRHEA) manakala wakil Masjid Al-Busyra Merbok, Mohd Firdaus Mat Akhir (Imam).

Majlis tandatangan Memorandum Persefahaman diadakan pada 3 September 2024 bertempat di Bilik Seminar Kaunseling, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT BERSAMA SMK SERI BADONG, SINGKIR

Pada tarikh 04 September 2024, Unit Sokongan Penyelidikan (Pengurusan Data Penyelidikan & Pendidikan Pengguna) Perpustakaan Sultan Basdlishah (PSB) UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan Program Literasi Maklumat bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Badong, Singkir Kedah.

Program ini telah dijalankan di Dewan Makan Asrama pada jam 2.15 petang hingga 3.30 petang dan dikendalikan oleh Puan Noor Azlin Abdullah (Pustakawan Kanan), Ketua Unit Sokongan Penyelidikan ini melibatkan penyertaan 144 orang murid serta 6 orang guru penasihat kelab dan persatuan SMK Seri Badong. Aktiviti literasi maklumat ini bertujuan membantu pelajar dalam memperkukuh kemahiran menulis dan menyampaikan maklumat. Melalui tugas seperti menulis laporan atau membuat pembentangan berdasarkan maklumat yang dikumpulkan, pelajar berpeluang untuk mengasah kebolehan mereka dalam merangka idea dan akan memberi mereka lebih banyak peluang untuk mengeksplorasi topik yang menarik minat mereka. Keupayaan ini akan meningkatkan rasa keyakinan mereka terhadap kemampuan diri, sekaligus memotivasi mereka untuk terus belajar sepanjang hayat.

Program Speed Reading juga telah dijalankan serentak pada waktu yang sama di Lokasi berbeza iaitu di Pusat Sumber Al-Farabi, SMK Seri Badong dan dikendalikan oleh Encik Mohd Amiruddin Mohd Nasir (Pustakawan Kanan). Program ini melibatkan penyertaan 30 orang murid yang terdiri dari Pengawas Pusat Sumber sekolah serta 2 orang guru penasihat.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT BERSAMA SK BANDAR LAGUNA MERBOK, SUNGAI PETANI

Pada tarikh 09 September 2024, Unit Sokongan Penyelidikan (Pengurusan Data Penyelidikan & Pendidikan Pengguna) Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan Program Literasi Maklumat bersama Sekolah Kebangsaan Bandar Laguna Merbok, Sungai Petani Kedah.

Program ini telah dijalankan di Pusat Sumber Sekolah pada jam 8.30 hingga 11.00 pagi dan dikendalikan oleh Puan Noor Azlin Abdullah (Pustakawan Kanan), Ketua Unit Sokongan Penyelidikan serta dibantu oleh tiga orang kakitangan yang bertindak sebagai fasilitator. Program ini melibatkan penyertaan 70 orang murid serta 5 orang guru penasihat.

Program Speed Reading juga telah dijalankan serentak pada waktu yang sama di bilik tayangan pusat sumber dan dikendalikan oleh Encik Mohd Amiruddin Mohd Nasir (Pustakawan Kanan), serta dibantu oleh tiga orang kakitangan yang bertindak sebagai fasilitator. Program ini melibatkan penyertaan 30 orang murid yang terdiri dari Pengawas Pusat Sumber sekolah serta 1 orang guru penasihat.

Tujuan program ini dijalankan adalah salah satu usaha bagi membentuk jalinan usahasama Perpustakaan Sultan Badlishahb berkenaan perkongsian maklumat serta perpindahan pengetahuan bersama pihak sekolah sejajar dengan keperluan berfokus kepada libatsama komuniti. Secara keseluruhannya, aktiviti literasi maklumat memberi impak yang besar dalam membentuk pelajar yang lebih berdaya saing serta berpengetahuan. Dengan memperkasa mereka melalui kemahiran mencari, menilai, dan menggunakan maklumat dengan bijak,





PROGRAM KOMUNITI PERPUSTAKAAN BERSAMA MASJID ANDALUSIA, BANDAR LAGUNA MERBOK PERPINDAHAN ILMU MELALUI PROGRAM TIPS & TRICKS MENGURUS MAKLUMAT & PENGENALAN AI

Program ini telah dilaksanakan pada 19 Oktober 2024 (Sabtu) dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari bertempat di Dewan Masjid Andalusia, Bandar Laguna Merbok. Seramai 59 orang penduduk sekitar Masjid Andalusia, Bandar Laguna Merbok terdiri daripada pelajar sekolah menengah, guru, pelajar IPT, pesara dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta telah menyertai program ini dirasmikan oleh Dr Junaida Ismail, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik. Turut serta dalam Majlis Perasmian & Penutup ialah Ustaz Burhanuddin Haji Wahab, Imam Masjid Andalusia dan Puan Azizah Khasim, Ketua Perpustakaan, Perpustakaan Sultan Badlishah.


Taklimat telah disampaikan oleh Puan Noor Azlin Abdullah, Pustakawan Kanan Perpustakaan Sultan Badlishah. Modul yang disampaikan bertajuk Tips & Tricks Mengurus Maklumat – Modul Asas Maklumat & Pengenalan Asas AI.

Turut menjayakan bengkel ini ialah kakitangan Perpustakaan Sultan Badlishah yang turut terlibat sebagai fasilitator pada hari tersebut dan secara keseluruhan program ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dengan memberikan manfaat kepada masyarakat setempat. Kehadiran peserta yang pelbagai latar belakang menunjukkan keberkesanan dalam menarik minat golongan masyarakat yang pelbagai. Program ini juga telah meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan dan penglibatan masyarakat dalam pembangunan ilmu.



PROGRAM KOMUNITI PERPUSTAKAAN BERSAMA PUSAT SEBARAN MAKLUMAT NASIONAL (NADI) KAMPUNG SUNGAI PIAL

Program ini dilaksanakan pada 9 Oktober 2024 (Rabu) dari jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari bertempat di Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Kampung Sungai Pial, Merbok. Seramai 25 orang pelajar serta seorang guru pengiring daripada Giat MARA Jerai telah menyertai program ini. Taklimat telah disampaikan oleh Puan Noor Azlin Abdullah, Pustakawan Kanan Perpustakaan Sultan Badlishah. Modul yang disampaikan bertajuk Asas Pengurusan Maklumat : Masyarakat & ICT - Menyediakan Kertas Kerja melalui Microsoft Word & Powerpoint. Modul ini mengandungi penerangan mengenai cara-cara untuk menggunakan perisian tersebut bagi menghasilkan kertas kerja yang kemas dan teratur. Turut menjayakan bengkel ini ialah Puan Nor Izzati Azaiqah bt Idris (Pengurus) dan Puan Nur Afiqah Binti Abdul Halim (Penolong Pengurus) NADI Sungai Pial. Peserta menunjukkan minat yang tinggi sepanjang sesi berlangsung. Mereka aktif bertanya soalan dan melibatkan diri dalam sesi praktikal dengan penuh semangat. Kebanyakan peserta menyatakan bahawa mereka memperoleh pengetahuan baru mengenai penggunaan ICT dalam pengurusan maklumat. Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dengan memberikan pengetahuan asas tentang pengurusan maklumat dan memperkukuhkan kemahiran ICT peserta. Program ini diharapkan dapat memberi impak positif dalam meningkatkan kemahiran ICT pelajar dan membekalkan mereka dengan kemahiran penting dalam dunia pekerjaan.





"Pendidikan mempunyai akar yang pahit,
tapi buahnya manis."

ARISTOTELES

PENERBITAN

NEW ARRIVAL THIS WEEK @ PSB

New ARRIVAL @
PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS MERBOK
CAWANGAN KEDAH

COMMUNITY PARTNERSHIPS WITH SCHOOL LIBRARIES: CREATING INNOVATIVE LEARNING EXPERIENCE

Author : Bridget Crossman
Publisher : United State Libraries Unlimited
ISBN : 9781440668917
Pages : 167




This book introduces ideas, materials, resources, and a step-by-step action plan while highlighting how learning experiences meet AASL standards. A user-friendly and invaluable resource for librarians who desire to be Future Ready, it will catapult librarians to the forefront of their practice and support them as

New ARRIVAL @
PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS MERBOK
CAWANGAN KEDAH

QUALITATIVE DATA COLLECTION TOOLS: DESIGN, DEVELOPMENT, AND APPLICATIONS

Author : Felice D. Billups
Publisher : California SAGE Publications
ISBN : 9781544334820
Pages : 211




Qualitative Data Collection Tools: Design, Development, and Applications is a new and unique supplementary text that will guide students and new researchers to design, develop, pilot, and employ qualitative tools in order to collect qualitative data. An often-omitted subject in general qualitative textbooks, qualitative tools form the backbone of the data collection process. Students and new researchers are frequently left to create their own qualitative tools from scratch, an

New ARRIVAL @
PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS SUNGAI PETANI
CAWANGAN KEDAH

ASAS KENALI HADIS : SAHIH, DHAIF DAN PALSU

Author : Dr. Shayuthy Bin Abdul Manas
Publisher : Malaha Press
ISBN : 9789071422106
Pages : 160



Suatu usaha untuk menyediakan pembaca berbahasa Melayu dengan susunan yang sistematik, menyeluruh serta mesra pembaca melalui ilmu hadis. Penyampaian mudah untuk diikuti, dilengkapi dengan infografik dan gambaran yang jelas beserta contoh. Di samping itu, penggunaan laras bahasa yang mudah bagi membolehkan pembaca menguasai konsep asas ilmu hadis tanpa menjejaskan makna sebenar.

New ARRIVAL @
PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS MERBOK
CAWANGAN KEDAH

MALAYSIA WHO'S WHO IN THE CIVIL SERVICE: THE STEEL BACKBONE OF THE GOVERNMENT - CREME DE LA CREME

Author : Robert M S Kay, Dewiana bte Tan Sri Suffian Korah
Publisher : Malaysia Kosyua Management Sdn. Bhd
ISBN : 9789839624151
Pages : 1302



This publication is the result of substantial research and there is bound to be mistake made. Be that as it may, as author of books, we find solace in what John Enoch Powell, a well known British member of parliament, classical scholar, poet, writer, linguist and soldier had to say about books: there is never a bad book, you

New ARRIVAL @
PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS MERBOK
CAWANGAN KEDAH

WEB DESIGN PLAYGROUND: HTML + CSS THE INTERACTIVE WAY

Author : Paul McFedries
Publisher : New York Manning Publications
ISBN : 9781617294402
Pages : 440



Web Design Playground takes you step by step from writing your first line of HTML to creating interesting, attractive web pages. In this project-based book, you'll use a custom online workspace to design websites, product pages, photo galleries, and more. Don't worry about setting up your own servers and domain names—the book comes with a free "playground" which lets you experiment without any of that! You can concentrate on core skills like adding images and video and laying out the page, plus learning

New ARRIVAL @
PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS MERBOK
CAWANGAN KEDAH

AMUKAN COVID-19: CERITERA PANDEMIK YANG TIDAK DIDENDANGKAN






Author : Azyyati Anuar, Rohayati Hussin & Nor Hafizah Abdul Razak
Publisher : Sintok, Kedah Malaysia UUM PRESS 2024
ISBN : 9760297582511
Pages : 376





Pada tahun 2020, penyebaran virus COVID-19 memberi cabaran bagi semua rakyat Malaysia dan seluruh dunia. Lebih daripada dua juta kes COVID-19 telah dilaporkan di Malaysia dan jumlah kematian terkait COVID-19 melebihi 31,000.

Novel Grafik ini menghasilkan kisah-kisah menarik mengenai pengalaman hidup penulis semasa berdepan dengan wabak ini, termasuk kuarantin, pengajaran dan pembelajaran dalam talian, bekerja dari rumah, pengalaman beroperasi perniagaan semasa kuarantin dan banyak lagi. Cerita-cerita ini direka berdasarkan pengalaman penulis dan dilengkapi dengan


PAMERAN E-BOOK





POSTER INFOGRAFIK









“Pendidikan adalah senjata paling mematikan di dunia, karena dengan pendidikan, Anda dapat mengubah dunia”

NELSON MANDELA

KERATAN AKHBAR

KERATAN AKHBAR

Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Kedah Ungguli Anugerah utama "Best of The Best" Award di Tanggam Fest 2024: Southern Chapter, UTHM

Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Kedah Ungguli Anugerah Utama "Best of The Best" Award di Tanggam Fest 2024 : Southern Chapter ,UTHM
14/01/2024 • IKHD HANID ADHA MOHD AMIN, ABU HANIFA AB. HAMID



PARIT RAJA, 8-9 Januari 2024 – Teaching Factory, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama MTB telah menganjurkan program TANGGAM FEST 2024: Southern Chapter. Acara ini berlangsung pada 8 dan 9 Januari 2024 di UTHM, Johor. Program ini melibatkan institusi-institusi di Malaysia iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KCTM), Kembau, UTM Cawangan Melaka dan Cawangan Kedah, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), UiTM Kedah juga tidak ketinggalan menyertai program ini iaitu dengan jumlah 15 orang pelajar jurusan Diploma Seni Reka Perindustrian dan penayarah pengiring yang terlibat dalam program ini ialah En. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin dan En. Abu Hanifa Ab. Hamid. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan keterlibatan peserta dalam aktiviti pembentukan reka bentuk.

Disclaimer: Reproduction Tun Abdul Razak UTHM
This material may be protected under Malaysian Copyright Act which governs the making of photocopies, reproductions or copyrighted materials. You may not reproduce, store, or use this material for any purpose.
Copyright © UTHM News Hub. All Rights Reserved.
Source: <https://news.uitm.edu.my/kolej-pengajian-seni-kreatif-ungguli-anugerah-utama-best-of-the-best-award-di-tanggam-fest-2024-southern-chapter-uthm/>

<https://news.uitm.edu.my/kolej-pengajian-seni-kreatif-uitm-kedah-ungguli-anugerah-utama-best-of-the-best-award-di-tanggam-fest-2024-southern-chapter-uthm/>

MindaReka Design Show 2024: Memperkukuhkan kreativiti dan inovasi pelajar

MindaReka Design Show 2024: Memperkukuhkan Kreativiti dan Inovasi Pelajar
15/02/2024 • IKHD HANID ADHA MOHD AMIN, UTHM KOPORAT KOTA UTM Cawangan Kedah



Kedah, 15 Februari 2024 – Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah telah berjaya menganjurkan Program MindaReka Design Show 2024. Program ini merupakan platform untuk pelajar tahun akhir program Diploma Seni Reka Grafik & Media Digital, diploma dan Seni Reka Perindustrian (Diploma dan Ijazah Sarjana Muda) mempamerkan hasil karya mereka kepada masyarakat umum.

Perasmian program oleh Profesor Dr. Shahriman Zainal Abidin (Penolong Naib Canselor (Pengantarabangsaan) UiTM Global), program ini mampu memperkenalkan kepada orang ramai kepelbagaian bakat dan kepuyaan yang dimiliki oleh pelajar dalam bidang kreativiti. Dalam tempoh satu hari program, sebagai aktiviti menarik telah diadakan termasuk upacara perasmian, ceramah 'Design Talk' daripada pakar industri, serta aktiviti kelab pelajar yang memeriahkan suasana.

Disclaimer: Reproduction Tun Abdul Razak UTHM
This material may be protected under Malaysian Copyright Act which governs the making of photocopies, reproductions or copyrighted materials. You may not reproduce, store, or use this material for any purpose.
Copyright © UTHM News Hub. All Rights Reserved.
Source: <https://news.uitm.edu.my/mindareka-design-show-2024-memperkukuhkan-kreativiti-dan-inovasi-pelajar/>

<https://news.uitm.edu.my/mindareka-design-show-2024-memperkukuhkan-kreativiti-dan-inovasi-pelajar/>

KERATAN AKHBAR

Alat Bantuan OKU EVIEW di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah

Alat Bantuan OKU EVIEW di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah

18/03/2024 • Noor Azlina Hamzah



Kedah, 3 Mac 2024 – Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menerima Lawatan Mesra YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin bersama ahli Pengurusan Tinggi UiTM Cawangan Kedah. Lawatan ini dituai dengan kunjungan ke perpustakaan yang sentiasa menjadi lokasi yang wajib dikunjungi bagi pelawat luar.

Inisiatif Alat Bantuan OKU EVIEW telah menarik perhatian YBhg. Datuk VC hingga sesi perengangan peralatan diambil baik serta mendapat pandangan dan perkongsian yang sangat positif dari YBhg. Datuk VC sendiri tentang OKU di universiti. Perengangan ini sedikit sebanyak membantu staf perpustakaan yang berurusan dengan pelajar atau pengguna kategori tersebut.

Projek EVIEW telah membawakan kumpulan ITHAM layak ke peringkat finalis keperlangan eSpor 2022. Pada 20 Disember 2022 Perpustakaan Sultan Badlishah telah diumumkan menjadi Anugerah Keseluruhan Operations Excellence 2022 serta Joham Kategori Persekitaran & Kewangan Operational Excellence 2022. Kejayaan ini bukan sahaja menjadi satu catatan yang manis bagi Perpustakaan Sultan Badlishah malah kepada UiTM Cawangan Kedah yang juga merupakan idung julung kalinya menjadi finalis serta menjadi Juara Keseluruhan.

Seluruh warga Perpustakaan Sultan Badlishah amat berbesar hati dan mengucapkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih atas lawatan mesra ini dan semoga lawatan ini menjadi dorongan kepada kunjungan UiTM Cawangan Kedah ke seluruhnya agar dapat menambahkan lagi perkhidmatan kepada golongan keajaiban di kampus ini.

This material may be protected under Malaysia Copyright Act which governs the making of photocopies, reproduction or copyright material. You may use this digital material for study or research. Copyright © UiTM News Unit. All rights reserved. Source: <https://news.uitm.edu.my/alat-bantuan-oku-eview-di-perpustakaan-sultan-badlishah-uitm-cawangan-kedah/>

Program Perpindahan Ilmu anjuran Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah

Program Perpindahan Ilmu anjuran Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah

18/01/2024 • MOOR ARI IN BINTI ANDULAH



18 Januari 2024 – "Knowledge Sharing Within Industry: Basic Writing With Reference Tools" anjuran Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dengan Kerjasama Pusat Sumber Institut Pendidikan Guru Darulaman telah berlangsung di Pusat Sumber, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman pada 18 Januari 2024 dan dirasmikan oleh Ketua Pusat Sumber IPG Kampus Darulaman iaitu Ustaz Khairi Khalil Bin Shuib.

This material may be protected under Malaysia Copyright Act which governs the making of photocopies, reproduction or copyright material. You may use this digital material for study or research. Copyright © UiTM News Unit. All rights reserved. Source: <https://news.uitm.edu.my/program-perpindahan-ilmu-anjuran-perpustakaan-sultan-badlishah-uitm-cawangan-kedah/>

<https://news.uitm.edu.my/alat-bantuan-oku-eview-di-perpustakaan-sultan-badlishah-uitm-cawangan-kedah/>

<https://news.uitm.edu.my/program-perpindahan-ilmu-anjuran-perpustakaan-sultan-badlishah-uitm-cawangan-kedah/>

KERATAN AKHBAR

Penilaian akhir Diploma Seni Reka Prindustrian: Inovasi terkini dalam rekabentuk produk bertemakan “Urban Agriculture”



Penilaian Akhir Diploma Seni Reka Prindustrian : Inovasi Terkini dalam Rekabentuk Produk bertemakan “Urban Agriculture”

By: DR. MOHD HANIFF AHMAD, MOHD AMIN



Merbok, Kedah, 6 Februari 2024 – Seramai 13 orang pelajar semester 5 dalam jurusan Diploma Seni Reka Prindustrian di Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah telah menghadapi penilaian akhir untuk kursus IDT316 (Rekabentuk Produk). Penilaian akhir ini bertujuan untuk menilai hasil kerja pelajar dalam reka bentuk produk bertemakan “Urban Agriculture” yang semakin penting dalam konteks kehidupan bandar masa kini.

Pensyarah yang bertanggungjawab dalam pengajaran kursus ini adalah En. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin. Manakala penilai-penilai terdiri daripada En. Abu Haniff Ab. Hamid, Pn. Jasni Jamaluddin, dan Dr. Nurul'Ayn Ahmad Sapiti. Mereka menilai tahap pemahaman pelajar dalam mencari solusi dan rekabentuk yang meningkatkan tahap hidup pengguna di kawasan bandar.

Fokus utama penilaian adalah terhadap projek produk bertemakan Urban Agriculture yang direka oleh pelajar. Sebanyak 13 produk dihasilkan dengan pelbagai rekabentuk.

Disclaimer: Persekitaran Tun Abdul Razak UTM
This material may be protected under applicable copyright law. Any reproduction or use of this material without the express written permission of the copyright owner is prohibited. Copyright © 2024 UiTM News Hub. All Rights Reserved.
Source: https://news.uitm.edu.my/penilaian-akhir-diploma-seni-reka-prindustrian-inovasi-terkini-dalam-rekabentuk-produk-bertemakan-urban-agriculture/

<https://news.uitm.edu.my/penilaian-akhir-diploma-seni-reka-prindustrian-inovasi-terkini-dalam-rekabentuk-produk-bertemakan-urban-agriculture/>

Tangani segera persepsi rakyat dengan selesaikan isu kos sara hidup

Tangani segera persepsi rakyat dengan selesaikan isu kos sara hidup

SALAH SARA HADAP

TIDAK dapat diingkari bahawa Malaysia merupakan negara yang kaya dengan sumber alam. Namun, negara ini menghadapi masalah kos sara hidup yang semakin meningkat. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk kenaikan harga barang, inflasi, dan perubahan iklim. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk menangani persepsi rakyat mengenai isu kos sara hidup.

Salah satu langkah yang boleh diambil adalah dengan mengawal harga barang keperluan asas. Kerajaan boleh menetapkan harga maksimum untuk barang-barang ini, atau memberikan subsidi kepada pengeluar. Selain itu, kerajaan juga boleh meningkatkan pengeluaran domestik untuk mengurangkan ketergantungan terhadap import.

Persepsi rakyat mengenai isu kos sara hidup boleh mempengaruhi keyakinan mereka terhadap kerajaan. Oleh itu, kerajaan perlu berkomunikasi dengan rakyat mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu ini. Dengan meningkatkan komunikasi, kerajaan boleh mengurangkan persepsi negatif dan meningkatkan keyakinan rakyat.

DR. HAROLDSEWENDY HASSAN
Penyarah Kursus Inovasi
Merbok, Kedah, 6 Februari 2024

Disclaimer: Persekitaran Tun Abdul Razak UTM
This material may be protected under applicable copyright law. Any reproduction or use of this material without the express written permission of the copyright owner is prohibited. Copyright © 2024 UiTM News Hub. All Rights Reserved.
Source: https://www.utusan.com.my/

<https://www.utusan.com.my/>

KERATAN AKHBAR

Cost of living in Malaysia: Navigating perceptions and reality

Cost of living in Malaysia: Navigating perceptions and reality

LETTERS

Thursday, 09 May 2024
8:15 AM MYT

It is undeniable that Malaysia has made significant progress since last year. Key economic indicators such as inflation rate, Gross Domestic Product (GDP), and unemployment rate. The current account position shows sterling improvements. Additionally, according to data from the Department of Statistics, Malaysia recorded its highest approved investment amount in history, amounting to RM329.5bil last year, which is 23% higher than in 2022. However, amidst these achievements, there is an intriguing phenomenon drawing widespread attention - the concerns and views of many Malaysians regarding the supposedly "increasing" cost of living.

Based on surveys conducted, a considerable number of Malaysians feel that their income in 2024 is insufficient to meet their daily basic needs. They also claim that the prices of essential goods such as food and rice, and services, have drastically increased. Although these are subjective views, they provide some insight into the real challenges faced by Malaysians in dealing with rising living costs, although they may not always be accurate.

Conversely, the government denies these views by affirming that they have taken the necessary steps to control this situation. For instance, the price monitoring of cooking oil, chicken, rice, and other essential items has been implemented more rigorously and frequently.

The government also issued reminders of the more acute conditions during previous administrations with prolonged critical issues such as insufficient supply of eggs and persistent expensive price of chicken during that time. While these are positive steps that should be acknowledged and commended, several Malaysians still opine that the reality still falls short in addressing the overall concerns of the people.

Disclaimer: Persekitaran Tun Abdul Razak, UiTM
This material may be protected under Malaysia Copyright Act which governs the making of photocopies, reproductions or copyrighted materials. You may use the digital material for study or research.
Copyright © The Star. All Rights Reserved.
Source: <https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2024/05/09/cost-of-living-in-malaysia-navigating-perceptions-and-reality>

<https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2024/05/09/cost-of-living-in-malaysia-navigating-perceptions-and-reality>

Buka tawaran UiTM kepada bukan bumiputera dengan syarat

Buka tawaran UiTM kepada bukan bumiputera dengan syarat

Oleh ROSLINDA HASHIM [Follow](#)
16 Mei 2024 05:39pm Masa membaca: 4 minit



Ahmad Zaharuddin Sani

ALOR SETAR - Sudah tiba masanya Akta Universiti Teknologi Mara (UiTM) 1976 (Akta 173) yang hanya membenarkan kemasukan pelajar bumiputera diuji semula mengikut keperluan semasa.

Bekas ahli akademik, Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri berkata, UiTM seharusnya membuka pintu kepada pelajar bukan bumiputera dengan bersyarat iaitu hanya untuk kursus-kursus pasca siswazah.

Menurutnya, bagi program Diploma dan Ijazah pertama harus dikekalkan status quo kepada bumiputera.

Disclaimer: Persekitaran Tun Abdul Razak, UiTM
This material may be protected under Malaysia Copyright Act which governs the making of photocopies, reproductions or copyrighted materials. You may use the digital material for study or research.
Copyright © The Star. All Rights Reserved.
Source: https://www.sinarharian.com.my/article/665130/berita/nasional/buka-tawaran-uitm-kepada-bukan-bumiputera-dengan-syarat#google_vignette

https://www.sinarharian.com.my/article/665130/berita/nasional/buka-tawaran-uitm-kepada-bukan-bumiputera-dengan-syarat#google_vignette


KERATAN AKHBAR

Kesihatan mental petugas media perlu dijaga demi kualiti kerja



<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1091781/kesihatan-mental-petugas-media-perlu-dijaga-demi-kualiti-kerja>

Pelajar UiTM 'tunjuk taring' reka jersi untuk 1,500 peserta sukan! Tampil rekaan 'garang' di padang, bergaya di kelas



<https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2024/06/30/pelajar-uitm-tunjuk-taring-reka-jersi-untuk-1500-peserta-sukan-tampil-rekaan-garang-di-padang-bergaya-di-kelas>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN TAHUNAN 2024

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
UiTM CAWANGAN KEDAH

Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah
08400 Merbok, Kedah Darul Aman

"Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa"



04 456 2238 | Perkhidmatan Pelanggan
04 456 2236 | Perkhidmatan Rujukan

eISSN 2811-3861

